S & W OFFSHORE BASE SDN BHD

lwn.

JOHOR PORT BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MOHD ZAWAWI SALLEH PK
[SAMAN PEMULA NO: 24-3741-2008 (3)]
3 MAC 2009

PROSEDUR SIVIL: *Locus standi - Tindakan guaman - Bantahan awal - Sama ada plaintif mempunyai mandat yang sah untuk memulakan tindakan guaman atau timbangtara - Sama ada tindakan bagi melaksanakan hak-hak syarikat - Sama ada plaintif bertindak bona fide bagi kepentingan syarikat - Sama ada bantahan awal tidak bermerit*

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi - Injunksi interim - Permohonan - Sama ada terbukti plaintif akan mengalami kerugian yang besar dan reputasi terjejas jika injunksi ditolak - Sama ada kerugian yang ditanggung defendan tidak boleh dipampas jika injunksi dibenarkan - Akujanji ganti plaintif - Sama ada memadai*

Plaintif dan defendan telah memasuki satu perjanjian agensi di mana defendan telah melantik plaintif sebagai agen eksklusif dan pengurus untuk mengatur dan mengukuhkan operasi perkhidmatan yang berkaitan dengan minyak dan gas termasuklah perkhidmatan bantuan tebing laut oleh syarikat-syarikat terkenal dan untuk menjalankan, antara lainnya, perkhidmatan memberikan kawasan tambatan dan gudang untuk kapal-kapal dan untuk perkhidmatan 'shore support'. Mengikut plaintif, pada setiap masa yang matan, plaintif telah melakukan serta memenuhi obligasi-obligasinya selaras dengan perjanjian agensi tersebut. Defendan telah memberi notis kepada plaintif dengan menyatakan bahawa plaintif adalah dikehendaki mendepositkan jumlah tambahan sebanyak RM250,000. Defendan menyatakan bahawa ia akan menggantungkan operasi plaintif sehingga jumlah RM1,750,000 dibayar kepada defendan. Seterusnya plaintif dimaklumkan oleh defendan bahawa ia akan menamatkan perjanjian tersebut. Mengikut plaintif, perbuatan defendan adalah menyalahi peruntukan-peruntukan dan semangat perjanjian agensi dan menyebabkan prejudis yang tidak terhingga kepada plaintif. Plaintif telah memfailkan tuntutan saman pemula terhadap defendan untuk relif injunksi kerana ingin merujuk pertikaian di antara kedua-dua pihak untuk diputuskan oleh Badan Timbangtara. Defendan membuat bantahan awal bahawa plaintif tidak mempunyai mandat yang sah dan *locus standi* untuk

memulakan tindakan guaman ini atas alasan bahawa pemegang saham majoriti yang memulakan kes ini hanya mempunyai 66% syer; ia perlu memperolehi 70% undi sebelum boleh memulakan tindakan guaman atau timbangtara. Isu-isu yang juga dibangkitkan adalah (i) sama ada terdapat isu-isu *bona fide*, serius dan patut dibicarakan dan (ii) sama ada jika injunksi ditolak, plaintif akan mengalami kerugian yang besar dan reputasinya akan terjejas

Diputuskan (menolak permohonan perintah injunksi yang dipohon plaintif):

(1) Pengarah Urusan plaintif mempunyai otoriti tersirat untuk memulakan tindakan guaman atas nama syarikat. "The Doctrine of agency of necessity" meletakkan tugas atas Pengarah Urusan untuk bertindak bagi pihak syarikat dan, jika perlu, mengambil tindakan guaman atas nama syarikat, bagi memelihara dan melindungi harta syarikat. Tidak ada apa-apa fakta yang boleh mencadangkan bahawa plaintif tidak bertindak secara *bona fide* bagi kepentingan syarikat apabila ia telah mengambil tindakan guaman dalam kes ini. Sebaliknya, tindakan tersebut adalah bagi melaksanakan hak-hak syarikat seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian dengan defendan. *Pilot Cargo (M) Sdn Bhd & Anor v. Adinas Tours & Travel Sdn Bhd & Ors*. Oleh itu, bantahan awal tersebut tidak bermerit dan ditolak. (para 7)

(2) Mahkamah berpuas hati terdapat isu-isu serius, *bona fide* dan patut dibicarakan. Walaupun defendan cuba menggambarkan bahawa tidak ada apa-apa pertikaian yang berbangkit berhubung dengan kenaikan tambahan deposit kerana kenaikkan tersebut terpakai kepada semua pelanggan-pelanggan defendan dan tidak terhad kepada defendan sahaja, namun fakta yang tidak dapat dinafikan ialah telah wujud pertikaian ('dispute') antara plaintif dan defendan. Plaintif mengatakan kenaikan tersebut tidak munasabah, menindas dan tempoh yang diberikan untuk melunaskannya adalah terlalu singkat. Defendan pula mengatakan tambahan deposit itu adalah munasabah. Pertikaian berbangkit kerana plaintif sengaja/enggan/gagal membayarnya. Perkara tersebut merupakan "pertikaian" ("dispute") yang diliputi oleh kl. 24 Perjanjian. (para 16)

(3) Adalah nyata bahawa Pelabuhan Johor ialah sebuah 'common user port' di mana fungsi utamanya ialah 'cargo handling.' Adalah tidak sukar untuk dibayangkan kesukaran dan keadaan kelam kabut yang akan timbul sekiranya injunksi seperti yang dipohon dibenarkan. Bersenjatakan injunksi yang diberi, plaintif

boleh dan akan mendesak kapal-kapal pelanggannya diberi tempat di dermaga untuk dibaikpulih untuk tempoh yang lama. Dalam keadaan sedemikian, defendan tidak dapat melaksanakan "cargo handling" dengan berkesan, teratur dan cepat termasuklah bagi memunggah "perishable goods". Defendan bukan sahaja akan mengalami kerugian malah nama baiknya juga akan terjejas. Kelebihan persaingan dengan pelabuhan-pelabuhan berdekatan juga tidak dapat dikekalkan. Keadaan sedemikian tidak boleh dibenarkan berlaku. Pertimbangan kepentingan awam juga tidak mewajarkan perkara tersebut berlaku. Kerugian yang akan ditanggung dan reputasi defendan yang tercemar tidak boleh dipampas. (para 20)

(4) Salah satu faktor penting yang perlu dipertimbangkan di dalam kes yang melibatkan perintah injunksi adalah sama ada plaintif telah menyediakan akujanji gantirugi yang mencukupi dan berupaya untuk memenuhi akujanji tersebut sekiranya plaintif gagal di dalam tuntutan asalnya terhadap responden. Akujanji plaintif untuk membayar kerugian kepada defendan adalah tidak memadai kerana modal berbayar plaintif hanyalah RM100,000. Defendan adalah sebuah syarikat yang kukuh dan mampu membayar sebarang pampasan yang mungkin ditimpa oleh plaintif sekiranya injunksi ditolak. (paras 21 & 22)

Kes-kes yang dirujuk:

Avel Consultants Sdn Bhd & Anor v. Mohd Zain Yusof & Ors [1984] 2 CLJ 169; [1984] 1 CLJ (Rep) 482 HC ***(dirujuk)***

Cynamid Co v. Ethicon Ltd [1975] AC 396 ***(dirujuk)***

Fellows v. Fisher [1975] 2 All ER 829 ***(dirujuk)***

Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd Noor & Ors [1995] 1 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***

Malaysia Land Investment Co (Pte) Ltd v. Sathask Realty Sdn Bhd & Ors [2001] 1 MLJ 451 ***(dirujuk)***

Marina Mohd Yusoff v. Pekeliling Triangle Sdn Bhd & Other Appeals [2008] 1 CLJ 169 ***(dirujuk)***

Mohamed Zainuddin Puteh v. Yap Chee Seng [1976] 1 LNS 76 HC ***(dirujuk)***

Noor Jahan Abdul Wahab v. Md Yusoff Amanshah & Anor [1994] 2 CLJ 249 HC ***(dirujuk)***

Penang Han Chiang Associated Chinese School Association v. National Union of Teachers in Independent Schools, West Malaysia [1987] 1 LNS 113 SC ***(dirujuk)***

Pilot Cargo (M) Sdn Bhd & Anor v. Adinas Tours & Travel Sdn Bhd & Ors [2002] 6 CLJ 442 HC ***(dirujuk)***

Salcon Engineering Sdn Bhd v. PRM Energy Systems (M) Sdn Bhd [1994] 1 CLJ 295 HC ***(dirujuk)***

Seloga Jaya Sdn Bhd v. Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd [1994] 2 CLJ 716 SC ***(dirujuk)***

A *SV Beverages Holdings Sdn Bhd & Ors v. Kickapoo (Malaysia) Sdn Bhd [2008] 4 CLJ 20* ***(dirujuk)***
Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v. Dayadiri Sdn Bhd [1990] 2 CLJ 297; [1990] 3 CLJ (Rep) 165 HC ***(dirujuk)***
Thye Hin Enterprise Sdn Bhd v. Daimler Chrysler Malaysia Sdn Bhd [2004] 3 CLJ 591 CA ***(dirujuk)***
B *UEM Genisys Sdn Bhd v. Shimizu Corporation & Anor [2003] 6 CLJ 422 HC* ***(dirujuk)***
William Jacks & Co (M) Sdn Bhd v. Chemquip (M) Sdn Bhd & Anor [1991] 2 CLJ 1309; [1991] 1 CLJ (Rep) 492 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
C Arbitration Act 1952, s. 34
Specific Relief Act 1950, s. 23(b)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Janab's Series To "Law, Practice And Legal Remedies", Vol II, ms 576-577

D *Bagi pihak plaintif - LC Neoh; T/n Francis Pereira & Shan*
Bagi pihak defendan - C Kumareson; T/n Tay & Partners

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

E

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh PK:

Pendahuluan

F **[1]** Di hadapan saya ialah satu permohonan *inter parte* oleh plaintif (lampiran 7) untuk memohon, antara lain, perintah-perintah yang berikut:

(a) Defendan sama ada melalui pengarah-pengarahnya dan/atau
G agen-agen/pekerja-pekerjanya dan/atau nomininya dihalang dengan serta-merta melalui satu perintah injunksi interim daripada menamatkan dan/atau dalam apa jua cara menewaskan hak plantif daripada terus memenuhi/menepati segala terma-terma dan/atau daripada menjalankan obligasi-obligasi sebagai
H "agen eksklusif" selaras dengan perjanjian agensi ("agency agreement") yang dimasuki di antara plaintif dan defendan pada 1 November 2007, seperti sediakala sehingga tuntutan plaintif diperdengarkan dan diputuskan kelak;

(b) Plaintif serta agen-agen/pekerja-pekerjanya dibenarkan untuk
I memasuki premis plaintif, untuk meneruskan dengan segala tugas-tugas/obligasi-obligasi seperti sediakala selaras dengan

perjanjian agensi selepas sahaja perintah ini diperbuat sama ada ia diserahkan secara faks, pos berdaftar dan/atau secara tangan ke alamat berdaftar defendan di P.O. Box 151, 81707 Pasir Gudang, Johor;

(c) Sekiranya defendan dan/atau agen-agen/pekerja-pekerjanya gagal, ingkar dan/atau enggan menepati terma-terma perintah ini, maka plaintif dibenarkan memasuki premis defendan dengan bantuan Polis Diraja Malaysia dan sekiranya perlu dengan menggunakan kekerasan yang munasabah untuk membolehkan plaintif menyampaikan perintah ini dan/atau meneruskan dengan hak plaintif dan/atau agen-agennya/pekerja-pekerjanya seperti sediakala selaras dengan perjanjian agensi sehingga tuntutan plaintif diperdengarkan dan diputuskan kelak.

[2] Dalam prosiding ini, dokumen-dokumen dan afidavit-afidavit telah difailkan oleh pihak-pihak dan ditanda oleh pejabat pendaftaran mahkamah seperti berikut:

No.	Dokumen	Tarikh	No. Lampiran
1	Saman Pemula	19/12/2008	3
2	Saman Dalam Kamar Plaintif-Plaintif untuk injunksi	19/12/2008	7
3	Afidavit John Gerard Quinn bagi pihak Plaintif	19/12/2008	4
4	Afidavit Landel Scott bagi pihak Defendan	19/12/2008	5
5	Perintah Injunksi (yang dibuat secara *ex parte*)	19/12/2008	6
6	Afidavit Jawapan (terhadap Afidavit John Gerard Quinn) oleh Abdul Khalid Khan bin Lal Khan bagi pihak Defendan	02/01/2009	9
7	Afidavit Jawapan (terhadap Afidavit Landel Scott) oleh Abdul Khalid Khan bin Lal Khan bagi pihak Defendan	02/01/2009	8

8	Afidavit Jawapan Tambahan (terhadap Afidavit John Gerard Quinn) oleh Abdul Khalid Khan bin Lal Khan bagi pihak Defendan	05/01/2009	10
9	Afidavit Dato' Zulkipli bin Shamsudin bagi pihak Plaintif	06/01/2009	14
10	Afidavit Jawapan (1) oleh John Gerard Quinn bagi pihak Plaintif	09/01/2009	11
11	Afidavit jawapan (2) oleh John Gerard Quinn bagi pihak Plaintif	13/01/2009	13
12	Afidavit Jawapan Ke 3 oleh Abdul Khalid Khan bin Lal Khan bagi pihak Defendan	16/01/2009	12
13	Afidavit Jawapan (terhadap Afidavit Dato' Zulkipli) oleh Abdul Khalid Khan bin Lal Khan bagi pihak Defendan	16/01/2009	15

Latar Belakang Kes

[3] Latar belakang kes bolehlah diringkaskan seperti yang berikut:

3.1 Plaintif dan defendan telah memasuki satu perjanjian agensi bertarikh 1 November 2007 di mana defendan telah melantik plaintif sebagai agen eksklusif dan pengurus (exclusive agent and manager) untuk mengatur dan mengukuhkan ("consolidate") operasi perkhidmatan yang berkaitan dengan minyak dan gas termasuklah perkhidmatan bantuan tebing laut ("shore support") oleh syarikat-syarikat yang terkenal ("established") dan untuk menjalankan, antara lainnya, perkhidmatan memberikan kawasan tambatan ("berthing space"), gudang, "open yard space" untuk kapal-kapal dan untuk perkhidmatan "shore support" tersebut. (Lihat kl. (iii) di ms 1 eks. "A2" afidavit di lampiran 4).

3.2 Plaintif, selaras dengan fasal 2.1 (iii), juga dikehendaki untuk menggunakan kebolehannya ("its best endeavours") untuk mempromosikan ("promote") dan menawarkan tenansi premis-premis atau untuk menggunakan perkhidmatan fasiliti ("facility") kepada pelanggan-pelanggan berpotensi dan untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk memperolehi pelanggan-pelanggan untuk menggunakan fasiliti defendan dalam premisnya;

3.3 Mengikut plaintif, pada setiap masa yang matan, plaintif telah melakukan serta memenuhi obligasi-obligasinya selaras dengan perjanjian agensi tersebut. Defendan juga tidak pernah mengadu tentang apa-apa keingkaran plaintif dalam memenuhi peruntukan perjanjian agensi tersebut setakat 30 Oktober 2008;

3.4 Defendan, melalui sepucuk surat bertarikh 31 Oktober 2008, yang dikeluarkan oleh Pengarah Eksekutifnya, Abdul Khalid Khan bin Lal Khan, telah memberi notis kepada plaintif dengan menyatakan bahawa plaintif adalah dikehendaki mendepositkan jumlah tambahan sebanyak RM250,000. Defendan menghendaki plaintif membayar jumlah tersebut tidak lewat dari 3pm pada 12 November 2008. Defendan bergantung kepada kl. 7.1 untuk berbuat demikian;

3.5 Plaintif, melalui suratnya bertarikh 11 November 2008, menyatakan bahawa tidak terdapat apa-apa keadaan istimewa untuk plaintif secara tiba-tiba menaikkan deposit dari RM250,000 ke RM1,750,000. Tambahan pula, kl. 45 Perjanjian menetapkan tempoh 45 hari bagi, "payments, charges and commission ... due". Surat tersebut juga menekankan bahawa akaun plaintif dengan defendan adalah terkini dan tidak ada apa-apa yang tertunggak;

3.6 Namun begitu, defendan, melalui suratnya bertarikh 13 November 2008, telah menyatakan hasratnya untuk terus menguatkuasakan kehendaknya bahawa jumlah RM1,750,000 itu dibayar;

3.7 Dalam pada itu, defendan dikatakan enggan membenarkan kapal-kapal pelanggan plaintif untuk menambat di Pelabuhan Johor. Pada 12 November 2008, pekerja defendan, Mohd Salim Mohd Din, telah memberitahu bahawa kapal "Lewak Champion" yang seharusnya menambat pada 21 November 2008, di Pelabuhan Johor tidak dapat berbuat demikian kerana "wharf" di Pelabuhan Johor sibuk digunakan sehingga ke penghujung tahun 2008;

3.8 Seterusnya, melalui suratnya bertarikh 14 November 2008, defendan menyatakan bahawa ia akan menggantungkan operasi plaintif sehingga jumlah RM1,750,000 dibayar kepada defendan;

3.9 Plaintif, melalui suratnya bertarikh 17 November 2008, merayu kepada Lembaga Pelabuhan Johor supaya ia dibenarkan untuk menjalankan perniagaan dan meneruskan dengan perjanjian tersebut. Pihak Lembaga Pelabuhan Johor telah menasihati agar defendan menarik balik perintah penggantungan perjanjian agen tersebut namun pendirian defendan tidak berubah;

3.10 Plaintif, melalui surat defendan bertarikh 11 Disember 2008, dimaklumkan oleh defendan bahawa ia akan menamatkan perjanjian tersebut oleh kerana plaintif masih belum membayar jumlah RM1,750,000 tersebut;

3.11 Mengikut plaintif, perbuatan defendan adalah menyalahi peruntukan-peruntukan dan semangat perjanjian agensi dan menyebabkan prejudis yang tidak terhingga kepada plaintif. Tambahan pula, reputasi plaintif dikatakan akan juga tercemar di mana pelanggan-pelanggan yang menghadapi masalah menambat sudah pasti tidak akan mempercayai kata-kata plaintif kelak;

3.12 Plaintif telah menfailkan tuntutan saman pemula terhadap defendan untuk relif injunksi kerana ingin merujuk pertikaian di antara kedua-dua pihak untuk diputuskan oleh Badan Timbangtara. Plaintif juga telah memperolehi satu perintah injunksi secara *ex parte* pada 19 December 2008 (lampiran 6), untuk, *inter alia*, menghalang defendan daripada menamatkan dan/atau menewaskan hak plaintif untuk meneruskan dengan tugasnya sebagai agen eksklusif di bawah perjanjian tersebut.

Bantahan Awal

[4] Puan Neoh Lay Choo, peguamcara defendan terpelajar, telah membuat bantahan awal bahawa firma guaman peguamcara plaintif tidak mempunyai mandat yang sah dan *locus standi* untuk memulakan tindakan guaman ini. Alasannya ialah plaintif tidak membuktikan bahawa pihaknya mempunyai resolusi-resolusi pemegang-pemegang sahamnya seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian usahasama. (Lihat fasal 5.3 B g yang dibaca bersama dengan fasal 5.4 perjanjian usahasama bertarikh 15 Februari 2009, eks. "A9" Afidavit John Gerard Quinn di lampiran 4). Pemegang saham majoriti yang memulakan kes ini hanya mempunyai 66% syer. Oleh itu, ia perlu memperolehi 70% undi sebelum boleh memulakan tindakan guaman ('litigation') atau timbangtara

('arbitration'). Pemegang saham minoriti yang mempunyai 34% mengesahkan bahawa pihaknya tidak mahu kes ini dimulakan dan menegaskan supaya kes ini diberhentikan sama sekali. Pihak itu juga tidak setuju plaintif membayar fee guaman Tetuan Francis Pereira & Shan. Oleh itu, dihujahkan bahawa firma guaman tersebut perlu membuktikan sewajarnya kepada mahkamah ini bahawa pihaknya mempunyai mandat dan otoriti untuk memulakan tindakan guaman ini.

[5] Mengikut peguamcara defendan, bukti-bukti bahawa prosiding ini dibawa tanpa mandat dan otoriti yang sah terkandung dalam ekshibit-ekshibit berikut:

(i) Ekshibit "JPB-20" – surat Tetuan Dennis Mathiew bertarikh 5 Januari 2009. (Lihat afidavit tambahan oleh Abdul Khalid Khan bin Lal Khan di lampiran 10); dan

(ii) Ekshibit "JPB-21" – surat-surat Tetuan Dennis Mathiew bertarikh 12 Januari 2009 dan 15 Januari 2009.

[6] Oleh itu dihujahkan, remedi yang terbuka kepada plaintif ialah dengan mengambil tindakan terhadap pemegang saham terlebih dahulu. Bagi menyokong hujahnya, peguamcara defendan membuat rujukan kepada kes-kes berikut:

(a) *William Jacks & Co (M) Sdn Bhd v. Chemquip (M) Sdn Bhd & Anor* [1991] 2 CLJ 1309; [1991] 1 CLJ (Rep) 492;

(b) *Malaysia Land Investment Co (Pte) Ltd v. Sathask Realty Sdn Bhd & Ors* [2001] 1 MLJ 451;

(c) *UEM Genisyssdn Sdn Bhd v. Shimizu Corporation & Anor* [2003] 6 CLJ 422; dan

(d) S*yawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v. Dayadiri Sdn Bhd* [1990] 2 CLJ 297; [1990] 3 CLJ (Rep) 165.

[7] Berhubung dengan bantahan awal ini, dengan hormat, mahkamah ini bersetuju dengan hujah yang dikemukakan oleh peguamcara plaintif bahawa bantahan tersebut tidak bermerit. Alasan-alasannya ialah seperti berikut:

(a) Adalah jelas bahawa tindakan saman pemula ini difailkan, antara lain, atas sebab-sebab yang berikut:

(i) supaya kepentingan plaintif selaku "exclusive agent" untuk tempoh lima tahun sepertimana yang diperuntukkan dalam perjanjian tersebut dipelihara dan dikekalkan;

A (ii) supaya plaintif tidak mengalami apa-apa kerugian;

(iii) supaya nama baik plaintif dalam bidang membawa-masuk pelanggan-pelanggan dari merata dunia dan memberi perkhidmatan untuk kapal-kapal "oil & gas" tidak tercemar dan reputasinya kekal; dan

B

(iv) supaya plaintif tidak mengalami kerugian dan tuntutan-tuntutan yang mungkin difailkan oleh pelanggan-pelanggan akibat keingkaran obligasi plaintif sekiranya ia gagal membekalkan tempat menambat untuk kapal-kapal di Pelabuhan Johor.

C (b) "Article of Association" serta "Memorandum of Association" syarikat plaintif tidak menghalang plaintif daripada menfailkan tindakan sepertimana yang difailkan ini.

(c) Tindakan yang diambil tidak memprejudis dan/atau memudaratkan kedudukan syarikat plaintif. Malah tindakan ini memperkukuhkan
D lagi kedudukan syarikat plaintif dan memberi kesan sebenar kepada objek perjanjian tersebut yang dimasuki pada 1 November 2007, iaitu perniagaan tunggal plaintif. Oleh itu, plaintif dan/atau pemegang-pemegang sahamnya harus mengambil segala langkah yang wajar dan segera untuk memastikan kedudukan
E plaintif tidak terjejas dalam apa-apa jua keadaan.

(d) Pengarah urusan plaintif mempunyai otoriti tersirat ('implied authority') untuk memulakan tindakan guaman atas nama syarikat. Walau apa pun, "the doctrine of agency of necessity"
F meletakkan tugas atas pengarah urusan untuk bertindak bagi pihak syarikat dan, jika perlu, mengambil tindakan guaman atas nama syarikat, bagi memelihara dan melindungi harta syarikat. (Lihat kl. 1, 25 dan 26 jadual ketiga dan kl. 73 (powers and duties of directors) jadual keempat, Akta Syarikat 1965 dan kes *Avel Consultants Sdn Bhd & Anor v. Mohd Zain Yusof & Ors*
G [1984] 2 CLJ 169; [1984] 1 CLJ (Rep) 482);

(e) Tidak ada apa-apa fakta yang boleh mencadangkan bahawa plaintif tidak bertindak secara *bona fide* bagi kepentingan syarikat apabila ia telah mengambil tindakan guaman dalam kes
H ini. Sebaliknya, seperti yang dinyatakan di perenggan (a) di atas, tindakan tersebut adalah bagi melaksanakan hak-hak syarikat seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian dengan defendan. (Lihat kes *Pilot Cargo (M) Sdn Bhd & Anor v. Adinas Tours & Travel Sdn Bhd & Ors* [2002] 6 CLJ 442).

I

[8] Oleh itu, bantahan awal defendan telah ditolak. Pihak-pihak telah diminta untuk meneruskan penghujahan mengenai permohonan di lampiran 7. A

Pendekatan Mahkamah

[9] Prinsip yang menjadi panduan mahkamah bagi menentukan sama ada sesuatu permohonan 'interim injunction' wajar dibenarkan atau tidak sebelum tuntutan plaintif diperdengar dan diputuskan adalah jelas. Kes-kes utama ialah *Cynamid Co v. Ethicon Ltd* [1975] AC 396 dan *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd Noor & Ors* [1995] 1 CLJ 293. Prinsip yang dinyatakan dalam kes *American Cynamid* tersebut telah diringkaskan oleh Sir John Pennycuick dalam kes *Fellows v. Fisher* [1975] 2 All ER 829 seperti berikut: B C

(1) Provided the court is satisfied that there is a serious question to be tried, there is no rule that the party seeking an interlocutory injunction must show a *prima facie* case. D

(2) The court must consider whether the balance of convenience lies in favour of granting or refusing interlocutory relief.

(3) 'As to that', the court should first consider whether, if the plaintiff succeed, he would be adequately compensated by damages for the loss sustained between the application and the trial, in which case no interlocutory injunction should normally be granted. E

(4) If damages would not provide an adequate remedy, the court should then consider whether, if the plaintiff fails, the defendant would be adequately compensated under the plaintiff's undertaking in damages, in which case there would be no reason on this ground to refuse. F

(5) Then one goes on to consider all other matters relevant to the balance of convenience, an important factor in the balance should this otherwise be even, being the preservation of the *status quo*. By the expression '*status quo*' what is meant is the position prevailing when the defendant embarked on the activity sought to be restrained. Different considerations might apply if the plaintiff delays unduly his application for relief. G H

(6) Finally, and apparently only when the balance still appears even, it may not be improper to take into account in tipping the balance the relative strength of each party's case as revealed by the affidavit evidence. I

The four-tier test stated in the case of *American Cynamid* is briefly set out below:

1. Is there a serious question to be tried? Here the applicant must satisfy the court:
   (a) The claim is not friovolous or vexatious;
   (b) The claim has some prospect of success (not necessarily a *prima facie* prospect of success);
2. Which way the balance of convenience lies? ie, if an injunction were refused, but at the trial the plaintiff were to win, would damages be enough to compensate him for the loss he has suffered by not having the injunction granted. Damages will not be adequate if;
   (a) The plaintiff's loss is not financial;
   (b) The plaintiff's loss cannot be quantified with any sort of precision;
   (c) If the defendant has no assets to pay damages.
3. If the defendant is restrained and later it turns out to be wrong, will damages compensate him?
4. Where does the balance of hardship lie?

If there is no obvious imbalance, the court preserves the *status quo*. In exceptional cases the court goes to the fifth test to consider who will win the case on its merits based on the agreed facts before the court.

(Lihat *Janab's Series To "Law, Practice And Legal Remedies"*, Vol. II ms. 576-577. Lihat juga kes-kes *SV Beverages Holdings Sdn. Bhd. & Ors v. Kickapoo (Malaysia) Sdn Bhd* [2008] 4 CLJ 20 dan *Marina Mohd Yusoff v. Pekeliling Triangle Sdn Bhd & Other* [2008] 1 CLJ 169).

[10] Berdasarkan prinsip di atas, mahkamah akan membincangkannya berdasarkan fakta yang terdapat dalam permohonan ini.

Adakah Terdapat Isu-Isu *Bona Fide*, Serius Dan Patut Dibicarakan?

[11] Encik C Kumareson, peguamcara terpelajar plaintif berhujah bahawa plaintif berhak untuk merujuk pertikaian mengenai kenaikkan deposit tambahan itu kepada Timbangtara di Singapura.

Klausa 24 perjanjian, *inter alia*, memperuntukkan: "All disputes arising in any way out of or affecting this agreement which cannot be settled amicably shall be referred to and finally resolved by arbitration in Singapore in accordance with Arbitration Rules of the Singapore International Center ...". Oleh itu, satu-satu cara yang terbuka untuk menyelesaikan pertikaian antara plaintif dan defendan ialah dengan merujukkannya kepada Timbangtara seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

[12] Bagi menyokong hujahnya, beliau merujuk kepada kes *Thye Hin Enterprise Sdn Bhd v. Daimler Chrysler Malaysia Sdn Bhd* [2004] 3 CLJ 591, di mana Mahkamah Rayuan membenarkan 'interim injunction' sementara menunggu pertikaian diputuskan oleh Timbangtara. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa s. 34 Akta 1952 "hanya melarang campurtangan terhadap (proses) Timbangtara itu sendiri" dan "tidak terpakai kepada kes-kes di mana relif interim amat diperlukan". Oleh yang demikian, "pemberian relif interim sementara keputusan suatu (prosiding) Timbangtara yang diadakan di PTSKL tidaklah dilarang oleh s. 34 Akta 1952".

[13] Seterusnya, Encik C. Kumareson berhujah bahawa defendan tidak mempunyai kuasa untuk menggantung perjanjian kerana kuasa-kuasa itu tidak diperuntukkan di mana-mana jua pun dalam Perjanjian.

[14] Plaintif juga dihujahkan telah mengambil langkah-langkah untuk merujuk pertikaian tersebut kepada timbangtara. Oleh itu, ia telah memenuhi kehendak seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Seloga Jaya Sdn Bhd v. Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd* [1994] 2 CLJ 716. Plaintif dihujahkan sentiasa bersedia dan berhasrat untuk merujuk pertikaian itu kepada timbangtara.

[15] Puan Neoh Lay Choo, peguamcara defendan membawa hujah bahawa tidak terdapat isu-isu *bona fide*, serius dan patut dibicarakan. Alasan yang dikemukakan beliau ialah seperti berikut:

15.1 Fasal 7.1 perjanjian agensi secara jelas memberi hak kepada defendan untuk menuntut kenaikan amaun deposit. Pada 31 Oktober 2008, defendan telah menuntut kenaikan amaun deposit kepada RM1,750,000 daripada amaun asal sebanyak RM250,000. (Sila rujuk perenggan-perenggan 10 hingga 14 afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada afidavit John Gerard Quinn di lampiran 9);

15.2 Tujuan deposit tersebut telah dijelaskan di perenggan 7.1 afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan (lihat lampiran 12) – iaitu sebagai sekuriti untuk menjamin pembayaran keterhutangan yang terakru dalam tempoh kredit ("security for the debts due or accrued within the 45 days' credit period");

15.3 Syarat mengenai deposit tersebut dan cara pengiraannya dilaksanakan sebagai suatu polisi kredit yang diamalkan kepada semua kontraktor defendan dan bukannya terpakai kepada plaintif sahaja. (Sila rujuk perenggan 8 afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada afidavit John Gerard Quinn dan perenggan 10 hingga 12 afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan di lampiran 9); dan

15.4 Tempoh yang diberi oleh defendan untuk menjelaskan tambahan deposit adalah munasabah. (Sila rujuk keterangan defendan dalam perenggan 7.3 hingga 7.5 afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan di lampiran 13).

[16] Setelah meneliti dokumen-dokumen dan afidavit-afidavit yang difailkan serta hujah-hujah peguamcara plaintif dan defendan, mahkamah berpuas hati bahawa terdapat isu-isu serius, *bona fide* dan patut dibicarakan. Walaupun peguamcara defendan cuba menggambarkan bahawa tidak ada apa-apa pertikaian yang berbangkit berhubung dengan kenaikan tambahan deposit kerana kenaikkan tersebut terpakai kepada semua pelanggan-pelanggan defendan dan tidak terhad kepada defendan sahaja, namun fakta yang tidak dapat dinafikan ialah telah wujud pertikaian ("dispute") antara plaintif dan defendan. Plaintif mengatakan kenaikkan tersebut tidak munasabah, menindas dan tempoh yang diberikan untuk melunaskannya adalah terlalu singkat. Defendan pula mengatakan tambahan deposit itu adalah munasabah. Pertikaian berbangkit kerana plaintif sengaja/enggan/gagal membayarnya. Nah, tidak syak lagi bahawa perkara tersebut merupakan "pertikaian" ("dispute") yang diliputi oleh kl. 24 perjanjian. Kesimpulan ini menjadi lebih kukuh sekiranya isu sama ada defendan berhak untuk menggantung Perjanjian itu diambil kira.

Imbangan Kesenangan ("Balance Of Convenience")

[17] Keputusan di atas, walau bagaimanapun, tidak menyelesaikan permohonan ini. Langkah selanjutnya ialah untuk menimbangkan "imbangan kesenangan" bagi menentukan di mana terletaknya

keadilan kes ini. Bagi tujuan tersebut, mahkamah perlu mengambil perhatian ke atas kesemua perkara yang relevan, terutamanya kepentingan awam dan kesusahan yang akan diakibatkan jika injunksi dibenarkan, berbanding dengan kesusahan yang akan diakibatkan jika injunksi ditolak.

[18] Peguamcara plaintif membawa hujah bahawa jika injunksi ditolak, plaintif akan mengalami kerugian yang besar kerana pelanggan-pelanggan akan mengambil tindakan undang-undang terhadapnya. Lebih teruk, reputasi plaintif juga akan terjejas di mana pelanggan-pelanggan yang menghadapi masalah menambat sudah pasti tidak akan mempercayai kata-kata plaintif kelak.

[19] Peguamcara defendan tidak bersimpati dengan hujah tersebut. Beliau mempunyai sebab dan alasan yang kukuh untuk bersikap demikian. Permohonan injunksi ini tidak patut dibenarkan kerana berdasarkan dokumen-dokumen yang difailkan oleh pihak defendan adalah didapati:

19.1 Plaintif telah menyalagunakan proses mahkamah selepas memperolehi perintah injunksi interim secara *ex parte*:

(a) Plaintif telah mendesak defendan memberi tempat dermaga untuk kapal yang dibawa masuk olehnya untuk menambat walaupun tiada kekosongan dermaga untuk kapal-kapal baru di Pelabuhan Johor. Ini adalah kerana tiga kapal yang dibawa masuk oleh plaintif telah tertambat di dermaga dan boya penambat defendan secara jangka panjang. Plaintif telah tidak mematuhi terma dalam perjanjian agensi tersebut (Fasal 3.1(iv) dan 27.1(d) serta "Terms and Conditions of Business" Johor Port Berhad (Part ll "Application for Berths" para. 2.3 & Part III "Policy on Vessel Acceptance" para. 3.10) yang jelas memperuntukkan bahawa defendan mempunyai budibicara mutlak untuk menerima atau menolak sebarang kapal untuk menambat di Pelabuhan Johor. Polisi sedemikian diamalkan oleh hampir semua pelabuhan-pelabuhan di dunia. (Sila rujuk eks. "JPB-25" dalam afidavit ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan. Sila juga rujuk perenggan 37 afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada afidavit John Gerard Quinn dan perenggan 22.3 hingga 22.5 afidavit-afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan).

Pelabuhan Johor adalah sebuah "common user port" dan terikat di bawah perjanjian penswastaan untuk memberi keutamaan kepada "cargo handling". Kapal-kapal yang dibawa masuk oleh Plaintif bukanlah untuk 'cargo handling' tetapi kapal-kapal itu menambat secara jangka panjang untuk kerja-kerja pembaikpulihan (repairs). Oleh itu, keutamaan tidak boleh diberi kepada kapal-kapal tersebut. (Sila rujuk perenggan 51(f) afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada afidavit John Gerard Quinn). Dalam keadaan sedemikian, plaintif tidak boleh dibenarkan menggunakan perintah injunksi untuk menuntut hak yang lebih luas daripada yang sedia ada di bawah perjanjian agensi tersebut.

Adalah tidak suai-manfaat bagi polisi awam sekiranya Pelabuhan Johor tidak dibenarkan menjalankan tugas utamanya iaitu "cargo handling" dengan berkesan dan teratur kerana terpaksa melayan desakan plaintif untuk mendapatkan tempat dermaga bagi kapal-kapalnya. Defendan tentunya akan menghadapi kesulitan dan kesusahan dalam pengurusan dan pentadbiran Pelabuhan Johor yang sangat penting bagi perdagangan import-eksport dan ekonomi negara ini termasuk Johor. Adalah tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa defendan sebenarnya menjalankan tugas-tugas untuk kepentingan awam ('public interest') di bawah perjanjian penswastaan dengan Kerajaan Malaysia. Sekiranya defendan terpaksa membenarkan kapal-kapal yang dibawa masuk oleh plaintif bertambat disebabkan oleh perintah injunksi, tentunya kesulitan dan kerugian bukan ditanggung oleh defendan tetapi juga oleh kesemua pengguna Pelabuhan Johor. Kerugian tersebut tidak dapat dipampas dengan gantirugi yang standing. (Sila rujuk perenggan 6.6 dan 18.4 afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan).

(b) Plaintif telah memungkiri waadnya di bawah perjanjian agensi iaitu enggan menjelaskan kenaikan amaun deposit tersebut seperti diminta atau mengurangkan keterhutanganya kepada defendan dan tertutamanya kepada JPL. Akibatnya, defendan diletakkan dalam keadaan kerugian kerana pihaknya terpaksa menghadapi risiko kerugian berjuta-juta ringgit apabila pelanggan-pelanggan plaintif terus diambil masuk untuk menambat di Pelabuhan Johor. (Sila rujuk

s. 23(b) Akta Relif Spesifik – "Specific performance of a contract cannot be enforced in favour of a person whom has become incapable of performing, or violates, any essential term of contract that on his part remains to be performed").

Tindakan ini juga akan membuka "floodgates" bagi lain-lain pengguna Pelabuhan Johor untuk mengelak obligasi kewangan mereka kepada defendan dengan memfail permohonan injunksi sedemikian. Prejudis yang akan defendan mengalami adalah tidak terhingga dan terhitung.

[20] Mahkamah tidak mempunyai sebab untuk tidak bersetuju dengan hujah peguamcara defendan. Adalah nyata bahawa Pelabuhan Johor ialah sebuah "common user port" di mana fungsi utamanya ialah "cargo handling". Adalah tidak sukar untuk dibayangkan kesukaran dan keadaan kelam-kabut yang akan timbul sekiranya injunksi seperti yang dipohon dibenarkan. Bersenjatakan injunksi yang diberi, plaintif boleh dan akan mendesak kapal-kapal pelanggannya diberi tempat di dermaga untuk dibaikpulih untuk tempoh yang lama. Dalam keadaan sedemikian, bagaimanakah defendan boleh melaksanakan "cargo handling" dengan berkesan, teratur dan cepat termasuklah bagi memunggah "perishable goods". Defendan bukan sahaja akan mengalami kerugian malah nama baiknya juga akan terjejas. Kelebihan persaingan dengan pelabuhan -pelabuhan berdekatan juga tidak dapat dikekalkan. Mahkamah ini memutuskan bahawa keadaan sedemikian tidak boleh dibenarkan berlaku. Pertimbangan kepentingan awam juga tidak mewajarkan perkara tersebut berlaku. Kerugian yang akan ditanggung dan reputasi defendan yang tercemar tidak boleh dipampas.

Akujanji Plaintif

[21] Salah satu faktor penting yang perlu dipertimbangkan sama oleh mahkamah di dalam kes yang melibatkan perintah injunksi ialah sama ada plaintif telah menyediakan akujanji gantirugi yang mencukupi dan berupaya untuk memenuhi akujanji tersebut sekiranya plaintif gagal di dalam tuntutan asalnya terhadap responden. Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd Noor Abdullah (supra)* pernah menyatakan:

> Apart from such cases, the judge is entitled to take into account the Plaintiff's ability to meet his undertaking in damages should the suit fail, and, in appropriate cases, may require the Plaintiff to secure his undertaking for example, by providing a bank guarantee.

Hashim Yeop A Sani H (pada masa itu) di dalam kes: *Mohamed Zainuddin Puteh v. Yap Chee Seng* [1976] 1 LNS 76 telah juga menyatakan:

> Conversely is the question that if the Defendants were to succeed at the trial, whether they would be adequately compensated for the interim restriction on their activities which the grant of interlocutory injunction would have imposed.

[22] Akujanji plaintif untuk membayar kerugian kepada defendan adalah tidak memadai kerana modal berbayar plaintif hanyalah RM100,000. (Sila rujuk perenggan 29 afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan). Tuntutan plaintif adalah sebenarnya berdasarkan kepada tuntutan gantirugi sahaja. (Sila rujuk 9(v) afidavit jawapan (2) John Gerard Quinn). Defendan adalah sebuah syarikat yang kukuh dan mampu membayar sebarang pampasan yang mungkin ditimpa oleh plaintif sekiranya injunksi ditolak. (Sila rujuk perenggan 51(c) afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada Afidavit John Gerard Quinn).

[23] Satu fakta penting lagi yang perlu diberi perhatian ialah sekiranya kapal-kapal yang dibawa masuk oleh plaintif tidak dapat tertambat di Pelabuhan Johor sekali pun, plaintif masih boleh membawa masuk kapal-kapal atau rig untuk menambat di tempat-tempat lain seperti di "shipyard". Perniagaan plaintif tersebut tidak akan ditamatkan seperti didakwa.

Perkara-Perkara Tambahan

[24] Puan Neoh Lay Choo terus melancarkan serangan tambahan bertubi-tubi terhadap permohonan injunksi ini. Ia bolehlah diringkas seperti berikut:

24.1 Perintah Injunksi mandatori?

24.1.1 Sebenarnya permohonan plaintif adalah untuk perintah injunksi mandatori dan 'relief specific' pelaksanaan perjanjian ('specific performance relief') walaupun kontrak dengan defendan adalah untuk perkhidmatan ('contract for services') yang tidak boleh dipaksa. Mahkamah Agong dalam kes *Penang Han Chiang Associated Chinese School Association v. National Union of Teachers in Independent Schools, West Malaysia* [1987] 1 LNS 113 menyatakan:

In this case, the learned judge did not appear to give any consideration to the balance of convenience. If he had done so, he seemed to have disregarded the well-established rule that a contract for service or service contract would not be specically enforced by the High Court (section 20(1)(b) of the Specific Relief Act, 1950) and that an injunction cannot be granted to prevent the breach of a contract the performance of which would not be specifically enforced (section 45(f) of the same Act).

24.2 Kegagalan mendedahkan fakta material

24.2.1 Plaintif telah gagal mendedahkan fakta material semasa memohon untuk injunksi interim secara *ex parte*:

(a) gagal memberitahu mahkamah bahawa tiga kapal yang dibawa masuk olehnya masih tertambat di Pelabuhan Johor pada waktu injunksi dipohon pada 19 Disember 2008 dan caj-caj untuk memberi perkhidmatan kepada defendan masih terakru setiap hari. (Sila rujuk perenggan 43 afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada afidavit John Gerard Quinn dan perenggan 22.1 dan 22.2 afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan.);

(b) ingkar menjelaskan tunggakan-tunggakan caj yang kena dibayar (melebihi 45 hari dari tarikh inbois) kepada defendan terutamanya tunggakan yang kena dibayar kepada Johor Port Logistics (JPL). (Sila rujuk perenggan 9.4 dan 18 afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada afidavit John Gerard Quinn dan perenggan 9.2 afidavit jawapan ke 3 Abdul Khalid Khan bin Lal Khan.);

(c) Alasan yang diberi oleh plaintif untuk enggan membayar keterhutangan plaintif kepada JPL adalah tidak berasas. JPL tidak mengambil alih perniagaan plaintif seperti didakwa oleh plaintif. (Sila rujuk perenggan 9.3 hingga 9.9 afidavit jawapan ke 3 abdul Khalid Khan bin Lal Khan serta perenggan 33, 43, 44 dan 45 afidavit jawapan Abdul Khalid Khan bin Lal Khan kepada afidavit John Gerard Quinn);

(d) Oleh itu, walaupun plaintif memohon relif ekuiti daripada mahkamah, pihaknya tidak datang dengan "clean hands".

[25] Berhubung dengan perkara ini, pendekatan mahkamah ialah seperti yang diputuskan dalam kes *Salcon Engineering Sdn Bhd v. PRM Energy Systems (M) Sdn Bhd* [1994] 1 CLJ 295 apabila Anuar H (sebagaimana dia ketika itu) berkata di ms 297:

> I am more inclined to follow the rationale in the cases of *Bennett v. The Excelsior Land, Investment and Building Company Limited*, and *Bank* [1893] 14 LR (NSW) (Eq) 179 and *Broadbent & Ors v. Marshall & Ors*. [1863] 2 VLR 115, in dealing with situations such as the present case, where a limited injunction is granted *ex parte* until the hearing *inter partes*. In *Bennett* and *Broadbent*, it was decided that the question of non-disclosure was not relevant at the *inter partes* hearing where both sides were obviously represented. If there was non-disclosure, this would go towards the award of costs. I would go further and say that material non-disclosure at the *ex parte* stage might additionally render the plaintiff liable on its undertaking as to damages.
>
> This is a more sensible approach since the task of the court at the *inter partes* hearing is to consider on the basis of all the evidence before it, whether the injunction should be continued or not. I do not agree with the *Bennett* and *Broadbent* approach in so far as serious non-disclosure is concerned. In my judgment, where the non-disclosure is very serious so as to amount to a positive misleading of the court, then it becomes a matter which goes into the balance when considering the probity and *bona fides* of the applicant. In such circumstances, the court will look at the applicant with a high degree of circumspection.
>
> The practicality of the *Bennett* and *Broadbent* approach is that the court will not, at the *inter partes* hearing, be encumbered with a forensic study on the question of disclosure. In some cases, such as the present, this is an onerous task involving detailed study of voluminous documents. At the end of this exercise, much time is wasted. I prefer to approach the *inter partes* hearing on a more pragmatic level by considering the merits of continuing the injunction on the material disclosed by both parties.

[26] Dalam kes *Noor Jahan Abdul Wahab v. Md Yusoff Amanshah & Anor* [1994] 2 CLJ 249 Edgar Joseph Jr. HMA (bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi) berkata di ms 256:

> In exercising my discretion under this ground, I have reminded myself of the current approach adopted by the courts. The relevant principles are helpfully summarized for me by Sir Nicolas Browne-Wilkinson VC in *Dormeuil Freres SA Anor v. Nicolian International (Textiles) Ltd* [1988] 3 AER 197:

> I will deal first with the application to set aside the *ex parte* order. It is a basic principle, applicable to all *ex parte* applications, that a plaintiff seeking *ex parte* relief must make full disclosure to the court of all facts which are material to the exercise of the court's discretion whether or not to grant the relief. If such disclosure is not made by the plaintiff, the court may discharge the *ex parte* injunction on that ground alone. But if, in the circumstances existing when the matter comes before the court *inter partes*, justice requires an order either continuing the *ex parte* injunction or the grant of a fresh injunction, such an order can be made notwithstanding the earlier failure of the plaintiff to make such disclosure. Moreover, there is authority that, contrary to the law as it was originally laid down, there is no absolute right to have an *ex parte* order obtained without due disclosure set aside: there is a discretion in the court whether to do so or not.
>
> I accept that facts (i), (ii), (iv) and (v) and to a lesser extent facts (iii) and (vi) were material for the court to know, although they are really facts which constitute part of the first defendant's case. It does not, however, necessarily follow that because the plaintiff had failed to disclose these facts that an order for discharge of the injunction must inevitably follow, for the court would still have to consider whether justice requires the injunction to continue. In considering this part of the case, I have asked myself whether the non-disclosure of the facts concerned was so severe that, had there been full disclosure, this court would not have granted the interlocutory injunction. (See *Hong Leong Holdings Ltd v. Sunbird (Pte) Ltd* [1990] 3 MLJ 65; *Professor Dr. A. Kahar Bador & Ors v. N. Krishnan & Ors* [1983] 1 MLJ 407 at 409).

[27] Sebelum berundur, Encik C Kumareson, peguam terpelajar plaintif telah mengemukakan suatu "teori konspirasi" seperti berikut: Pada setiap masa yang matan kedudukan pemegang-pemegang saham plaintif yang majoriti ialah Usatech Marine (HK) Ltd (yang memegang 64% saham dalam plaintif) dan Unison Warehousing Sdn. Bhd. (yang memegang 34% saham). Hubungan antara Usatech Marine dan Unison adalah tidak baik semasa tindakan guaman plaintif difailkan. Pengarah Unison (Azizah Abdul Rahman) adalah merupakan "Proxy" kepada pengarah eksekutif defendan. Abdul Khalid Khan menghendaki supaya Usatech Marine memindahkan 50%-60% sahamnya dalam plaintif kepada beliau atau proxynya. (Rujukan dibuat kepada "E-Mel" Abdul Khalid Khan dan jawapan pengarah plaintif kini).

[28] Seterusnya didakwa bahawa Azizah Abdul Rahman telah bekerja dengan defendan dan/atau anak syarikatnya selama bertahun-tahun. Dikatakan lagi bahawa pengarah-pengarah plaintif dan/atau pekerja-pekerja plaintif telah mendapat tahu bahawa Azizah Abdul

Rahman sedang membuat salinan dokumen-dokumen termasuk dokumen perakaunan dan memberikan salinan dokumen tersebut kepada Abdul Khalid Khan tersebut.

[29] Selanjutnya, Azizah Abdul Rahman juga dikatakan telah memanipulasi dan memberi butir-butir dalam inbois-inbois plaintif kepada pelanggannya dan ini telah merumitkan pengutipan kos daripada pelanggan-pelanggan plaintif. Beliau juga dikatakan telah mengarahkan bank plaintif supaya membekukan akaun tersebut. Perbuatan-perbuatan ini adalah bercanggah dengan tugas beliau sebagai seorang pengarah untuk bertindak secara *bona fide*.

[30] Mahkamah mendapati teori ini amat menarik. Walau bagaimanapun, pada pandangan mahkamah, defendan sebagai sebuah syarikat berhad adalah mempunyai entiti yang berasingan daripada Encik Khalid Khan bin Lal Khan. Oleh itu, apa-apa "grievances" plaintif terhadap Encik Abdul Khalid Khan seperti yang didakwa itu tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk tidak mematuhi syarat perjanjian antara plaintif dan defendan. Isu yang berbangkit adalah "purely commercial transactions".

Keputusan

[31] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, terutamanya mengenai imbangan kesenangan ("balance of convenience"), mahkamah membuat keputusan bahawa permohonan perintah injunksi yang dipohon oleh plaintif di lampiran 7 tidak patut dibenarkan dan dengan ini ditolak dengan kos. Gantirugi kepada defendan akan ditaksir oleh mahkamah pada 18 Jun 2009.